

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 23 Februari 2016 13:10
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BANGKITKAN INSPIRASI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA MELALUI KEINDAHAN KAMPUS YANG OPTIMUM



23 FEBRUARI 2016 / 14 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**BANGKITKAN INSPIRASI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA MELALUI
KEINDAHAN KAMPUS YANG OPTIMUM**



ANJUNG TAMU ONLINE : Ketibaan delegasi dari Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) disambut oleh hembusan angin pagi dan bunyi kicauan burung yang menambahkan lagi keunikan Welcome Centre yang kelihatan megah berdiri di sebelah pintu masuk utama UUM.

Warna-warni bunga rasmi UUM, *bougainvillea* menghiasi persekitaran kampus telah menjadikan pembentukan landskap sebagai salah satu elemen yang dapat menawan hati delegasi MPM.

“Suatu idea yang sangat baik yang patut dicontohi oleh MPM untuk memperkemarkan organisasi kepada umum”, kata Ketua Eksekutif MPM, Dr. Jamil Adimin.

Tambahnya lagi, “kami akan belajar lebih banyak lagi daripada kunjungan ke UUM di bawah pimpinan YBhg. Dato’Seri Naib Canselor”.

Tidak dapat dinafikan bahawa bagi membentuk modal insan yang berkualiti berkait rapat dengan persekitaran yang ideal sesebuah organisasi, justeru delegasi turut diberi taklimat mengenai kemudahan dan tempat pelancongan yang terdapat di UUM.

Seterusnya lawatan ke Padang Golf, Taman Rusa, Tasik Guthrie, Dewan Mu'adzam Shah menyakinkan delegasi MPM bahawa *tagline* UUM di rimba hijau mempunyai kaitan dengan kemudahan, hospitaliti, alam semulajadi, ruang, perhubungan awam yang baik dan rekabentuk bangunan.

Ucapan tahniah dan terima kasih dirakamkan juga oleh Timbalan Ketua Eksekutif 1 MPM, Mohd Fauzi Datuk Mohd Kassim, Timbalan Ketua Eksekutif 2 MPM, Adnan Husin selain maklumbalas positif semasa Discover UUM 2016.

"Sangat menarik!", kata Setiausaha Bahagian Penyelidikan & Dasar MPM, Badrul Hisham Abdullah.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

